

10 SEP 2003

Sri Lanka-Lebuh raya (Bergambar)/I

MOU BAGI PEMBINAAN LEBUH RAYA BERTOL PERTAMA SRI LANKA DIMETERAI

KUALA LUMPUR, 10 Sept (Bernama) -- Malaysia dan Sri Lanka menandatangani memorandum persefahaman (MoU) hari ini bagi pembinaan lebuh raya bertol pertama di negara itu yang menghubungkan dua bandaraya terbesar -- Colombo dan Kandy -- oleh sebuah konsortium yang diterajui Malaysia.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu berkata pembinaan projek bernilai US\$280 juta (RM1.06 bilion) itu dijangka dilaksanakan mengikut dasar "fast-track" bermula tahun depan dan bukan pada 2006 seperti yang dijadualkan.

Lebuh raya sejauh 98 kilometer itu akan dibina mengikut dasar "Bina, Kendali dan Pindah" dan antara kerajaan dengan kerajaan serta merupakan projek lebuh raya pertama di negara itu yang melibatkan peneraju industri pembinaan Malaysia.

Bercakap pada majlis menandatangani MoU itu sempena lawatan dua hari Perdana Menteri Sri Lanka Ranil Wickremesinghe, Samy Vellu berkata pada pandangan Malaysia, projek itu mempunyai nilai strategik yang besar dan amat penting kepada pertumbuhan ekonomi Sri Lanka.

"Pembinaan lebuh raya akan meningkatkan kesan kepada pendapatan industri pelancongan Sri Lanka kerana pengguna lebuh raya akan lebih tertarik untuk melawat pusat peranginan di bandar Kandy.

"Lebuh raya itu juga akan menyebabkan peningkatan produktiviti negara dan keberkesanan ekonomi melalui urus niaga dan penghantaran barangan yang lebih cepat serta melancarkan jalinan antara sektor ekonomi," kata Samy Vellu, yang menyamakan projek itu dengan Lebuh raya Utara-Selatan di Malaysia.

Katanya Lebuh raya Utara-Selatan di Malaysia telah menjanakan pertumbuhan kawasan perindustrian baru, bandaran, zon bebas perdagangan dan pusat komersial serta kawasan penempatan.

Samy Vellu berkata Malaysia, dengan pengusaha dari industri pembinaan bertaraf antarabangsa, telah serius dalam projek itu sejak awal tahun lepas dan beliau telah beberapa kali mencadangkan kepada Sri Lanka supaya menimbang pemberian projek itu kepada Malaysia atas dasar antara kerajaan dan kerajaan.

"Saya gembira selepas banyak perbincangan dan pertimbangan teliti oleh kerajaan Sri Lanka, cadangan kami diterima," katanya, sambil menegaskan bahawa ianya adalah permulaan kepada cabaran yang lebih kritikal sebelum pembinaan boleh dimulakan.

Ini termasuk keperluan kerajaan Sri Lanka mengadakan perundangan komprehensif meliputi pengambilan tanah dan kutipan tol dan juga untuk kedua-dua belah pihak mengadakan struktur kewangan yang membolehkan projek itu berdaya saing dan diterima oleh pihak pembiaya kewangan.

Samy Vellu memberi jaminan bahawa projek itu akan disiapkan mengikut kaedah Malaysia iaitu dengan kualiti dan dalam masa paling singkat serta dengan kos yang berpatutan.

Samy Vellu juga berkata dua bulan lepas, sebuah syarikat Malaysia, Pembinaan Wincon Sdn., Bhd., melancarkan projek membina 25,000 buah rumah untuk kakitangan kerajaan Sri Lanka di pelbagai lokasi di negara itu.

Fasa pertama projek itu melibatkan pembinaan 1,500 buah rumah bernilai RM37.5 juta dan diikuti dengan baki 23,500 unit dalam beberapa fasa dengan kos anggaran sebanyak RM587.5 juta.

Sambil mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Sri Lanka atas kepercayaan dan keyakinan dalam memberi peluang kepada Malaysia menyertai

dalam pembangunan negara itu, Samy Vellu berkata langkah proaktif itu mencerminkan kepimpinan dan pandangan jauh Wickremesinghe.

Sebelum itu, Wickremesinghe sebelum pulang ke negaranya telah mengadakan pertemuan makan tengah hari dengan para peniaga utama Malaysia dan pelabur dari Sri Lanka dan kemudian bertemu dengan ketua sami Buddha Malaysia dan Singapura, Dr Kirinde Dhammananda di Kuil Buddha Brickfields.

Semalam, beliau mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatnya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan beberapa menteri bagi meningkatkan hubungan ekonomi antara kedua-dua negara ini.

-- BERNAMA

AU AU DC ROS